



# BULETIN KEJURUTERAAN

EDISI 1 / 2012 / JANUARI / FEBRUARI

## KATA PENGANTAR

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Kita baru sahaja meninggalkan tahun 2011 dan telah melangkah masuk ke tahun baru 2012. Kepada warga Fakulti diucapkan selamat menyambut Tahun Baru 2012 bersamaan Tahun Masehi 1433 Hijrah dan masih belum terlambat untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada yang berbangsa Tionghua.

Untuk awal tahun 2012, Fakulti Kejuruteraan telah diterajui oleh Pemangku Dekan, Prof Madya Dr. Faisal Rafiq Mahamad Adikan selepas Prof Dr. Mohd Hamdi Abd. Shukor dilantik menjadi Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa). Semoga Fakulti akan terus maju kehadapan di dalam apa juga bidang di bawah kepimpinan beliau. Pihak Fakulti juga ingin mengucapkan tahniah diatas perlantikan Prof Dr. Wan Mohd Ashri Wan Daud sebagai Dekan, Kluster Penyelidikan Advanced Engineering & Technology (AET) . Tidak ketinggalan ucapan tahniah buat Pegawai Kewangan, Encik Ahmad Mu'az Mohd Khairuddin yang telah mula bertugas di tempat baru , Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Kita juga menerima beberapa orang staf baru yang di tempatkan di beberapa jabatan. Fakulti mengucapkan selamat datang dan selamat bertugas kepada mereka semua.

Awal tahun ini juga telah diisi dengan beberapa siri bengkel pemantapan staf yang bertujuan untuk menyemak dan menyelaras bidang dan tanggungjawab kakikatangan kumpulan pelaksana. Usaha ini merupakan satu platform dalam usaha untuk membentuk sebuah organisasi yang cekap dan efisyen dalam memberikan perkhidmatan kepada para pelanggannya.

## STAF BARU

### Pihak Fakulti mengalu-alukan kedatangan ahli keluarga baru fakulti.



Nama: Morni Ahmad,  
Jawatan: Pembantu Tadbir Perkeranian Operasi (PTPO)  
Mula Bertugas: 3 Januari 2012 ,  
Jabatan: Jabatan Kejuruteraan Kimia



Nama: Siti Maria Sulaiman,  
Jawatan: Pembantu Tadbir Perkeranian Operasi (PTPO)  
Mula Bertugas: 3 Januari 2012 ,  
Jabatan: Jabatan Kejuruteraan Mekanik



Nama: Nur Ariffah Mohd Hatta,  
Jawatan: Pembantu Tadbir Perkeranian (PTPO)  
Mula Bertugas: 3 Januari 2012 ,  
Jabatan: Jabatan Kejuruteraan Elektrik



Nama: Shuhada Yahya  
Jawatan : Pembantu Tadbir Perkeranian (PTPO)  
Mula Bertugas : 2 Februari 2012 ,  
Jabatan : Jabatan Kejuruteraan Awam

## BENGKEL PEMANTAPAN STAF DAN PENAMBAHBAIKAN PROSES KERJA



Pada 6 – 8 Januari 2012, Pejabat Timbalan Dekan (Pembangunan), Fakulti Kejuruteraan , telah mengadakan Bengkel Pemantapan Staf dan Penambahbaikan Proses Kerja bertempat di Hotel Rosa Passadena, Cameron Highland, Pahang .

Bengkel yang pertama kali diadakan untuk staf pembangunan ini telah disertai oleh 17 orang staf Pejabat Timbalan Dekan (Pembangunan) dan 3 orang wakil dari setiap jabatan. Bengkel yang telah dirasmikan oleh Timbalan Dekan (Pembangunan), Prof Madya Ir. Dr. Yau Yat Huang turut dihadiri oleh Ketua Penolong Pendaftar, Puan Mariam Mohd Ali, Penolong Pendaftar, Puan Shahzatul Ermiza dan Encik Yan Mohd Nor Alif Mohamad Noh serta Pegawai Sains, Encik Alias Abdullah yang semuanya bertindak selaku fasilitator.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk mencadangkan penambahbaikan bagi menaikkan mutu prestasi kerja dan memperkemaskan proses kerja selain menyusun semula struktur organisasi, menyemak semula bidang tugas, senarai tanggungjawab dan sasaran KPI 2012.

Perbincangan dalam bengkel terbahagi kepada tiga kumpulan sasaran iaitu pembangunan, teknologi maklumat dan makmal.

Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada Encik Norsaidin Mahusin yang bertindak sebagai urusetia dan juga kepada Encik Shahibullah Ithnin yang mengendalikan bengkel yang mendapat sokongan yang positif dari para peserta. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua yang telah hadir dan memberi sumbangan idea untuk kebaikan staf dan organisasi.

## MAJLIS PERPISAHAN KAKITANGAN FAKULTI



Pada 31 Januari 2012 telah diadakan satu majlis perpisahan kakitangan bertempat di Bilik Persidangan untuk meraikan Prof. Dr. Wan Mohd Ashri Wan Daud yang telah dilantik sebagai Dekan, Kluster Penyelidikan Advanced Engineering & Technology (AET), manakala Encik Ahmad Mu'az Mohd Khairuddin, Pegawai Kewangan yang akan memulakan tugas baru di Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Puan Rohana Ismail yang



akan bertukar ke Pusat Teknologi Maklumat.

Majlis turut dihadiri oleh Timbalan Dekan Ijazah Dasar, Prof. Madya Dr. Noor Azuan Abu Osman, Timbalan Dekan Ijazah Tinggi, Prof. Madya Ir. Dr Abdul Aziz Abdul Raman serta beberapa orang Ketua Jabatan.

Fakulti mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga diatas khidmat bakti yang telah diberikan kepada fakulti dan mendoakan semoga mereka terus cemerlang di tempat yang baru.

## Aktiviti-aktiviti bulan Januari dan Februari



**Taklimat Calon Ijazah Tinggi Semester 2 sesi 2011/2012,**  
tarikh : 3 Februari 2012, masa : 3.00 petang, tempat : Dewan Kuliah 5



**Majlis Bacaan Yassin dan Tahlil Arwah Staf  
dan Keluarga Staf,**  
tarikh 2 Februari 2012, masa 1.00 tengahari,  
tempat : Surau Perempuan, Fakulti Kejuruteraan

## Aktiviti-aktiviti bulan Januari dan Februari



Lawatan dari Hankyong National University, Korea,  
tarikh : 23–24 Februari 2012, masa : 10.00 pagi,  
tempat : Bilik Persidangan



Gotong-royong Perdana 2012 Universiti Malaya,  
tarikh : 24 Februari 2012, masa: 2.30 petang, tempat : Fakulti Kejuruteraan



Industrial Talk oleh Prof. Noamichi Ogihara, Keio University, Jepun,  
tarikh : 22 Februari 2012, masa 2.30 petang, tempat: DK 4



Mesyuarat bersama Japan International Cooperation Agency (JICA'S) ,  
tarikh : 23 Februari 2012, masa : 2.00 petang, tempat : Bilik Persidangan



Industrial Talk oleh Engr. Tok Chye Hock , Autoliv Hirotako Sdn. Bhd.,  
tarikh : 29 Februari 2012, masa : 2.30 petang, tempat : DK 4